

Piagam ASEAN disambut baik

um - 14/1/2007

CEBU CITY, Filipina 13 Jan. - Usaha menggubal Piagam ASEAN yang digerakkan ketika Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur pada 2005 memperlihatkan kemajuan dengan kebanyakan negara anggota menerima baik Laporan Kumpulan Tokoh-Tokoh Terkemuka (EPG) Mengenai Piagam ASEAN.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, meskipun ada pandangan dan syor balas diberikan oleh negara-negara anggota ketika pertemuan malam tadi, tetapi 'tiada tentangan keras' daripada mana-mana negara berhubung perkara-perkara yang diketengahkan oleh EPG.

"Saya merasakan kita boleh datang dengan syor (draf Piagam ASEAN) yang spesifik yang akan diterima oleh semua pihak kerana tiada bantahan luar biasa berhubung perkara-perkara yang dikemukakan EPG," kata beliau pada sidang akhbar di sini petang ini.

"Beberapa orang pemimpin ada melahirkan pandangan mereka. Saya telah menjangkakan ia akan berlaku. Kami terima dan kami gembira bahawa pasukan petugas khas mengemukakan draf itu," kata Perdana Menteri yang merupakan Pengerusi ASEAN se-

belum diambil alih oleh Filipina.

Terdahulu beliau menyertai perbincangan dalam Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 yang bermula pagi ini.

Sidang itu berakhir petang ini dengan para pemimpin ASEAN menandatangani empat deklarasi dan satu konvensyen.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada Disember 2005 telah membentuk EPG yang dipengerusikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Musa Hitam untuk menyediakan Laporan EPG Mengenai Piagam ASEAN.

Laporan itu diserahkan kepada kesemua 10 pemimpin negara anggota ASEAN malam tadi.

Antara lain laporan itu mengesyorkan diwujudkan peruntukan khas bagi menghukum negara-negara anggota, termasuk mengeluarkannya daripada pertubuhan serantau itu jika negara itu gagal mematuhi keputusan yang dibuat oleh badan itu.

Pemimpin-pemimpin ASEAN yang menghalusi laporan tersebut memutuskan supaya rangka piagam itu dibentangkan pada Si-

dang Kemuncak ASEAN Ke-13 di Singapura November ini.

Dengan penerimaan laporan itu, pemimpin-pemimpin ASEAN menubuhkan Pasukan Petugas Peringkat Tinggi Merangka Piagam ASEAN yang keanggotaannya terdiri daripada wakil setiap negara anggota ASEAN untuk menggubal piagam berkenaan.

Ketika ditanya mengenai syor mengenakan sekatan, iaitu salah satu bentuk hukuman dikemukakan oleh EPG, Abdullah memberitahu, Malaysia tiada masalah dengan peruntukan tersebut.

Bagaimanapun, jelas beliau, penerimaan ataupun sebaliknya akan bergantung kepada draf Piagam ASEAN yang bakal dibentuk.

"Kami ingin melihat Piagam ASEAN menjadi realiti sebab ia akan menjadi asas kepada apa yang kita hendak capai pada masa depan supaya masa depan komuniti ASEAN stabil dari segi politik," kata beliau lagi.

Sidang Kemuncak ASEAN 2005 di Kuala Lumpur mencapai kejayaan signifikan berikutan pembentukan EPG dan penganjuran Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Pertama.

Mengenai EAS yang bermula Isnin ini,

Perdana Menteri memberitahu, beliau yakin pertemuan kali ini akan mewujudkan peluang untuk membentuk rangkaian kerjasama yang lebih erat dalam pelbagai bidang.

Ini termasuklah soal kerjasama ekonomi, isu rundingan perdagangan Pusingan Doha yang terbantut, menangani soal keganasan, ketegangan di Semenanjung Korea, ekoran program nuklear kontroversi Korea Utara dan perkembangan antarabangsa yang lain.

"Saya tidak mahu membuat spekulasi (mengenai isu perbincangan). Bagaimanapun, saya pasti kita boleh memperluaskan kerjasama kita," kata beliau sambil menambah pertemuan dua tahun lalu telah memperlihatkan kejayaan dan disambut baik oleh semua negara anggota.

Jelas beliau, pertikaian mengenai keanggotaan dalam EAS juga telah selesai dan kini adalah masa untuk memperluaskan kerjasama dalam pelbagai bidang.

EAS disertai oleh 10 negara anggota ASEAN, China, Jepun, Korea Selatan, Australia, New Zealand dan India.

- **Mingguan**